

**Mekanisme Pengrekrutan Pekerja
Asing: Kajian Kes Perbandingan
Mekanisme Agensi Pengrekrutan dan
Mekanisme Kerajaan dengan
Kerajaan (G2G)**

PENGENALAN

- Malaysia merupakan tumpuan - negara destinasi **Pekerja Asing (PA)** di rantau ASEAN.
- Migrasi buruh di ASEAN berjumlah 8 juta dan 60% ke Malaysia (ILO, 2014).
- Sebelum G2G, Malaysia menggunakan mekanisme **Agensi Pengrekrutan (AP)**.
- Dasar kemasukan pekerja asing yang berubah.

PENYATAAN MASALAH

- **2007** – Terdapat kes PA Bangladesh yang melalui agensi pengrekrutan ditipu.
- **2009** – Pembekuan kemasukan pekerja Bangladesh.
- **26 November 2012** – MoU Malaysia & Bangladesh: kemasukan pekerja Bangladesh dalam sektor perladangan melalui mekanisme G2G.
- **1 Februari 2017**– Sistem pengurusan kemasukan pekerja asing bersepadu (ePPAx)
- **10 Februari 2017** - semua pengambilan pekerja Bangladesh di semua sektor menggunakan SPPA.

OBJEKTIF PENYELIDIKAN

1. Mengenalpasti kelebihan dan kelemahan sistem pengurusan kemasukan pekerja warga Bangladesh di dalam sektor perladangan di antara mekanisme AP dan mekanisme G2G.
2. Menilai sistem pengurusan PA di Malaysia dari segi pematuhan norma-norma antarabangsa dan menggunakan EPS Korea sebagai penanda aras.
3. Mencadangkan penambahbaikan terhadap dasar kerajaan berkenaan sistem pengurusan PA.



Sorotan Karya

- 1. PA di Malaysia
- 2. Sistem Pengrekrutan di Malaysia
- 3. Sistem Pengurusan PA yang ideal
- 4. Perbandingan Mekanisme Pengrekrutan


KEKOSONGAN DALAM KAJIAN (RESEARCH GAP)

- Kajian ini memberi fokus terhadap **sistem kemasukan PA.**
- Evolusi daripada mekanisme AP ke mekanisme G2G dan kini penggunaan SPPA telah dibuat **tanpa diiringi kajian yang formal** berkenaannya.
- Perbandingan mekanisme yang lebih terperinci antara **mekanisme AP dan G2G** di Malaysia.

METODOLOGI

- Kajian ini menggunakan pendekatan Teori Migrasi Rangkaian (TMR).
- Kajian ini mengakses kedua-dua mekanisme dengan menggunakan konsep Agunias (2009) – penilaian dari segi fungsi (value) dan kos (cost)
- Merangkumi tiga peringkat penghijrahan – sebelum, selepas dan kepulangan (Kim 2015)

SKOP




PA Bangladesh dalam Sektor Perladangan di Sime Darby Plantations daerah Central East Region

KULITATIF



In Depth Interview:
Kementerian, MEF, MTUC, Sime Darby, Kedutaan, NGO, PA

KUANTITATIF



Borang survei- 100 PA melalui AP dan 100 PA melalui G2G

RUJUKAN



Dokumen Kerajaan, perpustakaan, laporan, suratkhbar dan laman sesawang

RINGKASAN PENEMUAN

1. Pihak kementerian dan majikan lebih cenderung kepada mekanisme AP kerana bebanan tugas pada skala besar dan memudahcara aspek pengurusan dan komunikasi.
2. Cabaran bagi penggunaan mekanisme AP ialah ruang memanipulasi kos, penipuan dan pelanggaran hak asasi manusia adalah besar dan tanpa pengurusan yang baik boleh menjejaskan hubungan dua hala negara sumber dan negara destinasi.
3. Pihak pekerja mengutamakan kos yang munasabah dan pengurusan mekanisme yang dipercayai dan telus seperti peranan yang dimainkan oleh G2G.
4. Maklumbalas daripada pihak-pihak terlibat adalah penting bagi membentuk mekanisme kemasukan pekerja asing yang ideal dan system rangkaian yang baik membentuk mekanisme yang mantap.

SUMBANGAN & KEPENTINGAN

1. Kajian formal yang secara khusus mengkaji perbandingan mekanisme kemasukan PA di Malaysia.
2. Mengumpulkan maklumbalas majikan seperti Sime Darby, majikan yang menjadi keutamaan PA warga Bangladesh.
3. Mengumpulkan maklumbalas pekerja terhadap mekanisme terbaik.
4. Penambahbaikan dan asas kepada kerajaan dalam menggubal dasar kemasukan pekerja asing pada masa depan.
5. Mengekalkan hubungan baik dua hala antara kerajaan Malaysia dan Bangladesh.

CADANGAN PENYELIDIKAN MASA HADAPAN

- Kajian intensif berkenaan mekanisme G2G Plus; penggabungan mekanisme G2G dan agensi pengrekrutan
- Amalan “outsourcing” pihak kerajaan kepada agensi swasta bagi proses pengambilan pekerja asing.
- Kajian bagi mengaplikasi program “Happy Return” EPS Korea untuk disesuaikan dengan suasana di Malaysia.
- Kajian untuk memperkasa kaedah pemantauan dan penguatkuasaan dasar kemasukan pekerja asing ke Malaysia dengan berkesan.

**TERIMA
KASIH**

